


# INDEKS PATRIOTISME MODUL 1

SEMANGAT CINTAKAN NEGARA

(PENGHAYATAN LAGU NEGARAKU)

PUSAT KOKURIKULUM DAN PEMAJUAN PELAJAR,  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



# LATAR BELAKANG MODUL

Tujuan pelaksanaan modul Patriotisme adalah untuk memenuhi indeks patriotisme atas kepentingan dan sumbangan mahasiswa kepada negara.



11 DISEMBER 2015 JUMLAH PAPARAN: 5507

## Pelajar INTERIM-UMS Anjur Kursus Kem Jalinan IMalaysia

**KHAMIS, 10 DISEMBER** - Program Kem Jalinan IMalaysia telah berjaya diadakan baru-baru ini bertempat di SMK Inanam, Kota Kinabalu. Program bertemakan "Sehati Sejiwa" ini telah dianjurkan oleh pelajar kursus kokurikulum INTERIM (Seksyen 1) Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP), Universiti Malaysia Sabah.

Pengarah program, Norsilah



Rabiu berkata, program ini bertujuan untuk menerapkan nilai patriotisme serta perpaduan dalam kalangan generasi muda khususnya generasi Z.

## Pelajar UMS johan pertandingan Talk Show Mahasiswa Indonesia-Malaysia

Izwan Abdullah - Februari 15, 2021 @ 3:38pm  
bhnews@bh.com.my



---

**NAMA AKTIVITI:**

**PENGHAYATAN  
LAGU  
NEGARAKU**

- Matlamat aktiviti

Memupuk semangat cintakan negara melalui lagu  
Negaraku

- Hasil pembelajaran

Pelajar mempunyai semangat cintakan negara melalui  
penghayatan lagu Negaraku


# PELAKSANAAN MODUL



Ini adalah aktiviti berkumpulan



Pelajar hendaklah **menghasilkan video nyanyian lagu Negaraku dengan** melibatkan komitmen semua pelajar



Hantar video tersebut ke Smartv3UMS kursus masing-masing (Platform penghantaran disediakan oleh pensyarah masing-masing pada **minggu ke 5**).

# CATATAN


- Aktiviti ini tidak dimarkahkan, namun **WAJIB** disertai oleh pelajar.
- Kegagalan pelajar menyertai aktiviti ini akan menyebabkan pelajar mendapat markah 'F', iaitu tidak memenuhi keperluan kursus.

## ■ Teori Patriotisme


Teori Patriotisme dibentuk berdasarkan prinsip rukun negara di mana doktrinnya yang dibentuk oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) diistiharkan oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin pada ulang tahun kemerdekaan ke-13.

Rukun Negara adalah

1. Susunan cara atau prinsip hidup bermasyarakat yang mengandungi nilai-nilai kenegaraan dan norma-norma sosial yang meliputi semua aspek kehidupan bernegara.
2. Cuba mewujudkan suasana perpaduan kaum demi keharmonian dan kemakmuran malaysia.
3. Menjadi ideologi kebangsaan malaysia yang diikrarkan setiap warganegara



Kerangka konseptual patriotisme



▪ Rukun Negara telah diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 sempena ulang tahun kemerdekaan Malaysia yang ke-13 oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin, Yang di-Pertuan Agong IV. Rukun Negara diperkenalkan berikutan peristiwa 13 Mei 1969 yang melemahkan perpaduan antara kaum di Malaysia. Rukun Negara dibentuk dengan tujuan utama iaitu membentuk perpaduan yang kukuh. Prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara jelas merupakan kunci kepada keharmonian dan perpaduan kaum demi kejayaan dan kestabilan Malaysia. Rukun Negara terbahagi kepada dua bahagian:-

#### ▪ Bahagian Pertama

Menggariskan objektif masyarakat Malaysia yang mahu dibentuk:-

- Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat,
  - Memelihara satu cara hidup demokratik,
- Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama,
  - Membentuk satu sikap yang liberal terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dan berbilang-bagai corak, dan
- Membina sebuah masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

#### ▪ Bahagian Kedua

▪ Menggariskan Lima Prinsip Rukun Negara yang berikut:-

- **Kepercayaan Kepada Tuhan**
- **Kesetiaan Kepada Raja dan Negara**
  - **Keluhuran Perlembagaan**
- **Kedaulatan Undang-undang**
- **Kesopanan dan Kesusilaan**

Sumber: Malaysia 2017 (Jabatan Penerangan Malaysia)

# KEPENTINGAN PATRIOTISME KEPADA NEGARA

01

Mengekalkan  
semangat cinta  
kepada negara

02

Pemangkin kepada  
kemajuan negara

03

Kelangsungan  
hidup bangsa dan  
negara



# KEPENTINGAN PATRIOTISME KEPADA MAHASISWA

Mahasiswa adalah  
agen sosial  
masyarakat

Mahasiswa sebagai  
suri teladan (*role  
model*) golongan  
remaja

Mahasiswa sebagai  
penggerak komuniti

Menyumbang  
kemajuan negara


Menyumbang  
pembangunan  
masyarakat

Membendung  
gejala sosial

Menunjukkan  
potensi  
kecemerlangan diri

## ISU DAN CABARAN PATRIOTISME

- Pengaruh kepada kehidupan (akibat terlalu selesa dan mewah)
- Kekurangan penghayatan sejarah
- Pengaruh budaya global
- Nilai kemasyarakatan yang berkurangan





---

# RUJUKAN UTAMA

- <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30110?language=my>
- Sumber maklumat: Indeks Patriotisme (2016). Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi